



# AYUH, BANTERAS GEJALA SOSIAL!

Hai, adik! Pernahkah adik mendengar tentang “gejala sosial”? Gejala sosial tidak hanya memberikan kesan kepada kita tetapi juga kepada keluarga dan masyarakat. Dalam rencana ini, kita akan meneroka maksud gejala sosial, punca dan kesannya serta cara yang boleh diambil untuk mengatasi masalah ini.


## APAKAH ITU GEJALA SOSIAL?

- **Gejala:** Tanda atau petanda akan terjadinya sesuatu yang tidak baik atau tidak normal.
- **Sosial:** Berkaitan dengan masyarakat atau hubungan antara individu dalam kelompok.



### TAHUKAH ADIK?

Menurut Kamus Dewan Perdana, gejala sosial ialah gejala negatif yang merosakkan golongan masyarakat yang terlibat serta menyebabkan kerosakan nilai dan akhlak yang perlu dibanteras. Sebagai contohnya, lumba haram dan penyalahgunaan dadah. Masalah tingkah laku seperti ini boleh merosakkan masyarakat dan seterusnya kesejahteraan negara.






Terdapat pelbagai gejala sosial yang berlaku pada hari ini dan peningkatan kes gejala sosial pada setiap hari amat membimbangkan. Mari kita lihat beberapa contoh gejala sosial yang berlaku di sekolah.



## BULI

Buli ialah tindakan mengganggu atau menyakiti orang lain. Contohnya, seorang murid mengejek rakan yang tidak pandai dalam pelajaran. Perbuatan ini disebut sebagai buli lisan dan menyebabkan murid yang diejek itu berasa tertekan serta rendah diri. Ada juga murid yang mengalami buli fizikal seperti ditolak, dicubit atau dipukul sehingga menyebabkan kecederaan fizikal serta trauma emosi.



## MEROKOK

Pengaruh rakan sebaya dan sikap mahu mencuba benda baharu boleh mendorong seseorang murid untuk merokok, walaupun mereka tahu bahawa perbuatan itu memudaratkan. Hal ini mungkin disebabkan oleh seseorang murid itu ingin diterima dan tergolong dalam kalangan rakan tertentu.

## PONTENG SEKOLAH

Ada murid yang tidak hadir ke sekolah tanpa alasan yang munasabah. Contohnya, mereka tidak hadir kerana lebih suka menghabiskan masa bermain permainan video atau berseronok dengan rakan di luar sekolah. Ponteng sekolah sering kali dikaitkan dengan budaya melepak.

## VANDALISME

Vandalisme ialah perbuatan merosakkan harta benda awam. Di sekolah, vandalisme berlaku apabila murid menconteng dinding sekolah dengan perkataan atau lukisan yang tidak senonoh. Mencabut papan tanda atau mengubah suai pintu dan perabot sekolah tanpa kebenaran juga merupakan perbuatan vandalisme yang tidak sepatutnya berlaku.

## PENYALAHGUNAAN TEKNOLOGI

Gejala sosial ini berkaitan dengan penggunaan telefon pintar dan Internet secara berlebihan dan tidak terkawal. Ada murid yang terlibat dengan aktiviti buli siber atau menyebarkan maklumat palsu tentang orang lain yang boleh merosakkan hubungan sosial. Ketagihan menggunakan telefon pintar seperti menghabiskan banyak masa melalui laman media sosial juga boleh menyebabkan murid lalai dan akhirnya tidak minat belajar.





## PUNGA GEJALA SOSIAL

### (a) Pengaruh Rakan Sebaya

Adik, rakan kita boleh mempengaruhi cara kita bertindak. Kadang-kadang, kita berasa terpaksa untuk menyertai mereka melakukan perkara yang tidak baik, seperti merokok atau ponteng sekolah, supaya kita diterima sebagai sebahagian daripada kumpulan. Oleh itu, amat penting untuk adik membezakan perkara yang baik dengan perkara yang buruk. Adik perlu berani membuat pilihan yang betul dan baik!

### (b) Kurang Perhatian daripada Keluarga

Terdapat banyak kes murid yang terlibat dengan gejala sosial disebabkan oleh kekurangan perhatian dan kasih sayang daripada keluarga. Didikan dan nasihat ibu bapa amat penting dan diperlukan terutamanya ketika anak sedang membesar. Kanak-kanak perlu didedahkan dengan bahaya gejala sosial supaya apa-apa tindakan yang diambil ketika di sekolah tidak mendatangkan masalah. Tanpa bimbingan yang baik, amat mudah untuk adik terjerumus dalam kancah gejala sosial dan melakukan perkara yang boleh merugikan diri sendiri serta orang lain.

### (c) Pengaruh Teknologi

Teknologi sememangnya memudahkan banyak perkara dalam kehidupan. Namun begitu, adik tetap perlu berwaspada. Jika penggunaannya tidak dikawal, adik boleh terdedah kepada kandungan yang tidak baik dalam Internet. Kandungan yang tidak baik ini boleh mempengaruhi tingkah laku adik. Contohnya, penggunaan kata-kata yang kasar. Oleh itu, amat penting untuk adik menggunakan teknologi dengan bijak dan memastikan adik terdedah kepada perkara yang positif.

## KESAN GEJALA SOSIAL

Gejala sosial memberikan kesan yang buruk kepada semua orang, termasuklah murid, keluarga, masyarakat dan negara. Perbuatan buli, ponteng sekolah dan sebagainya boleh mencetuskan rasa rendah diri kepada mangsa. Manakala kepada pelaku pula, gejala sosial menyebabkan prestasi akademik mereka terjejas. Perkara ini boleh menyebabkan semakin banyak murid yang malas belajar sekali gus menjejaskan kehidupan kerana mereka membesar dalam keadaan yang negatif.

Institusi kekeluargaan juga turut menerima tempas. Pergaduhan dalam kalangan keluarga boleh berlaku dengan lebih kerap sehingga menyebabkan keluarga berpecah-belah. Secara tidak langsung, perkara ini menyebabkan keharmonian hidup berkeluarga tidak lagi dapat dinikmati bersama dan kes kemurungan pasti meningkat.

Dalam masyarakat, gejala sosial mencipta rasa tidak selamat dan bahaya. Tingkah laku yang buruk seperti vandalisme dan jenayah boleh mengganggu keamanan dalam komuniti. Jika kita tidak menangani masalah ini, negara kita juga akan terkesan kerana generasi muda tidak dapat memberikan sumbangan yang baik kepada negara.

## MENANGANI GEJALA SOSIAL

Memerangi gejala sosial amat penting untuk dilaksanakan demi mewujudkan masyarakat yang harmoni dan sejahtera. Kita semua mempunyai tanggungjawab untuk memastikan gejala ini tidak berlarutan.

- **Mengamalkan didikan moral:** Adik perlulah sentiasa mengingati dan mengamalkan didikan moral yang adik peroleh daripada ibu bapa dan guru dalam kehidupan seharian. Pendidikan moral yang baik boleh membantu adik membuat keputusan yang tepat.



- **Menyertai aktiviti berfaedah:** Adik digalakkan untuk menyertai kelab atau aktiviti yang positif seperti melibatkan diri dalam sukan, seni atau aktiviti khidmat masyarakat. Aktiviti seperti ini boleh mengalihkan perhatian adik daripada gejala sosial.
- **Memanfaatkan teknologi:** Adik perlu belajar menggunakan teknologi dengan bijak. Adik perlu sedar tentang risiko yang mungkin timbul daripada penggunaan teknologi yang tidak terkawal. Manfaatkan penggunaan teknologi untuk mendapatkan ilmu dan meningkatkan kreativiti diri.



### KOSA KATA DP

- **Trauma:** Keadaan atau perasaan amat tertekan atau terganggu akibat mengalami peristiwa yang menakutkan atau menyakitkan.
- **Kancah:** Keadaan atau situasi yang susah atau tidak baik. Misalnya peperangan, masalah dadah, keruntuhan moral dan lain-lain.

### PERANAN SAYA

Sebagai seorang murid, adik mempunyai tanggungjawab untuk membanteras gejala sosial. Yang berikut adalah beberapa perkara yang boleh adik lakukan:

- **Menjadi suri teladan** dengan menunjukkan tingkah laku yang baik kepada rakan. Jika adik berkelakuan baik, rakan lain akan terpengaruh untuk melakukan perkara yang sama. Adik boleh menjadi contoh yang positif dan bersama-sama mencipta suasana yang gembira dan selamat di sekolah.
- **Melaporkan salah laku kepada guru** sekiranya adik melihat perkara tersebut berlaku di sekolah. Tindakan ini penting untuk memastikan semua orang selamat dan bahagia. Dengan berbuat begitu, adik menunjukkan bahawa adik peduli tentang rakan adik.
- **Membantu dan menasihati rakan** sekiranya ada rakan adik yang terjebak dalam gejala sosial. Janganlah adik mengambil sikap tidak peduli, sebaliknya bantulah rakan adik untuk keluar daripada situasi tersebut. Tunjukkan bahawa adik ialah rakan yang baik.

### LATIHAN KENDIRI

Uji kefahaman adik dengan menjawab soalan yang berikut.


1. Apakah yang dimaksudkan dengan "gejala sosial"?  
 \_\_\_\_\_  
 \_\_\_\_\_  
 \_\_\_\_\_
2. Berikan contoh gejala sosial.  
 (a) \_\_\_\_\_  
 (b) \_\_\_\_\_  
 (c) \_\_\_\_\_
3. Lengkapkan rajah di bawah.

### Kesan Gejala Sosial

Individu

Keluarga

Masyarakat



### Penutup

Ingatlah adik, pepatah ada mengatakan bahawa "Di mana ada kemahuan, di situ ada jalan". Marilah kita semua membanteras gejala sosial dan menjadikan sekolah sebagai sebuah tempat pembelajaran yang lebih baik dan selamat. Dengan usaha dan kerjasama, kita boleh hidup dengan aman dan sentosa. Ayuh!